

Headline	20 pelajar SMK Paya Keladi tanam 100 pokok		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 Jul 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U26	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,034
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,102



# 20 pelajar SMK Paya Keladi tanam 100 pokok

**PINANG TUNGGAL** - Kesedaran mencintai alam sekitar seharusnya dipupuk sejak di peringkat sekolah lagi kerana ia diyakini mampu memberi kesan besar kepada kehidupan generasi akan datang.

Menyedari kepentingan itu, sekumpulan 20 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Keladi menyertai aktiviti gotong-royong menanam 100 pokok di perkarangan sekolah itu di sini, baru-baru ini.

Program julung kali yang dianjurkan di bawah Projek Penanaman Pokok Hutan Sekolah Seluruh Malaysia itu sebagai menyahut seruan kerajaan untuk menjadi sebuah negara taman terindah menjelang 2020.

Guru Pembimbing 1, merangkap penyelar program, Noraini Ismail berkata, projek itu adalah selaras dengan kempen menanam 26 juta pokok

pelbagai spesies yang dilancarkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama beberapa jabatan terlibat selepas diusulkan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi.

"Objektif utama projek ini adalah bagi meningkatkan kepelbagaian spesies pokok-pokok di kawasan sekolah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Turut hadir, Pengetua SMK Paya Keladi, Supian Paimin dan Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Noor Azlin Yahaya.

Guru Pembimbing 2, Fisol Md Isa berkata, aktiviti itu mampu memupuk pelajar memahami mengenai pentingnya keseimbangan dari segi pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Peserta, Muhamad Amirul Azhar, 17, berkata, projek itu berjaya meningkatkan ke-

sedaran peringkat akar umbi terhadap kepentingan aktiviti penanaman pokok dan memelihara alam sekitar.

Rakannya, Nurul Huda Suhaimi, 16, berkata, projek itu secara tidak langsung dapat mengekalkan kualiti alam sekitar yang akan menyumbang pula kepada persekitaran sihat, selamat dan indah.



Pelajar SMK Paya Keladi berbincang selepas menanam pokok.